

TEMA 3 : KESELAMATAN

Unit 7 : Waspada Selalu

PAK-21 *Gallery Walk*

Arahan:

- 1 Murid secara berkumpulan diberikan tugas iaitu keselamatan diri ketika berada di rumah.
- 2 Setiap murid perlu menyiapkan tugas tersebut dalam bentuk kertas sebak atau kertas mahjong.
- 3 Setiap kumpulan akan menampal hasil kerja di dinding untuk dilihat oleh kumpulan yang lain.
- 4 Setiap kumpulan perlu memberi komen tentang hasil kerja kumpulan yang lain pada *sticker note* dan menampal *sticker note* pada hasil kerja tersebut.

Unit 9 : Patuh dan Selamat

PAK-21 *Round Table*

Arahan:

- 1 Murid duduk dalam kumpulan dan guru mengemukakan satu tugas yang berkaitan dengan tatabahasa iaitu kata sendi nama.
- 2 Secara bergilir, murid memberi dan mencatat satu idea dengan menggunakan pen dan kertas yang sama.
- 3 Hasil dapatan perlu dibentang.
- 4 Guru akan menilai dan memberi markah.